

Headline	Mahathir minta dikurangkan pembalakan berlesen		
MediaTitle	Kosmo		
Date	05 Feb 2015	Color	Black/white
Section	Negara	Circulation	218,251
Page No	7	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	68 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 837
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,511



Mahathir minta dikurangkan pembalakan berlesen

KUALA LUMPUR – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyarankan aktiviti pembalakan dan penerokaan hutan berlesen perlu dikurangkan bagi mengelak kejadian bencana alam seperti banjir besar yang berlaku di Pantai Timur akhir tahun lalu.

“Saya berpendapat, kita bukan sahaja perlu tumpu (kepada usaha mengekang) pembalakan haram, malah yang halal (berlesen) pun patut dikurangkan.

“Kita lihat bagaimana banjir berlaku di Kelantan, Terengganu dan Pahang. Satu daripada sebabnya sudah tentu kerana pokok-pokok telah dipotong dan hujan terus turun ke tanah, namun ia tidak diserap tanah hingga menyebabkan banjir,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat Projek Digital Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan meletakkan plak FRIM sebagai Warisan Kebangsaan di sini semalam.